

04 MAR 2003

OIC-Syed Hamid/I

SIDANG KEMUNCIAK TREGEMPAR OIC PERLU CAPAI PERSETUJUAN BERSAMA

Oleh: Ahmad Zukiman Zain

DOHA, 4 Mac (Bernama) -- Negara-negara Islam masih berkeupayaan menghentikan perang di Iraq, dengan syarat mereka menunjukkan penyatuan dalam menangani isu itu, kata Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar.

Beliau berkata negara-negara Islam hanya membenarkan diri mereka berpecah dan digunakan jika mereka tidak bersatu.

"Keadaan ini sangat sedih dan malang kerana proses dipergunakan itu akan berterusan," katanya kepada wartawan Malaysia mengenai harapan Malaysia terhadap sidang kemuncak tergepar Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) di sini esok yang membincangkan ancaman yang diketuai Amerika Syarikat ke atas Iraq.

"Yang paling penting ialah kita mencapai persetujuan bersama bahawa kita menentang perang digunakan sebagai cara untuk menyelesaikan konflik di Iraq dan kami mahu Israel menghentikan pendudukan berterusan dan membunuh rakyat Palestin," katanya.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad merupakan pemimpin pertama yang akan berucap pada sidang kemuncak itu selepas perasmian oleh Amir Qatar Sheikh Hamad bin Khalifa Al-Thani.

Syed Hamid berkata sidang kemuncak itu dijangka mengeluarkan kenyataan yang drafnya akan dibincangkan oleh menteri-menteri luar malam ini.

"Saya berpendapat mandat negara-negara OIC ialah bagaimana kita boleh menyumbang bagi menyelesaikan krisis mengikut proses multilateral, dengan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) yang diberi tanggungjawab dan pemeriksaan senjata dibenarkan meneruskan tugas mereka," katanya.

"Jelas bahawa kita tidak sukakan peperangan dan saya tidak fikir persoalan menukar regim di Iraq menjadi tanggungjawab OIC tetapi oleh rakyat Iraq sendiri," katanya.

Mengenai situasi yang semakin buruk di Palestin, Syed Hamid berkata kebanyakan negara Islam berpendapat bahawa jika perang meletus di Iraq, ia akan membenarkan Israel meneruskan kekejaman dan pembunuhan rakyat Palestin yang tidak berdosa.

-- BERNAMA

AZZ MUN LAT